

## PRESS – ONLINE

<b>Publication</b>	Luminews.my	<b>Day/Date</b>	Sun, 5 May 2024
<b>Section</b>	News	<b>Pageviews</b>	62,800
<b>Headline</b>	MoU keselamatan, pertahanan bernilai RM8.1 bilion dijangka dimeterai dalam DSA 2024		
<b>URL</b>	<a href="https://staging.luminews.my/news/2162169">https://staging.luminews.my/news/2162169</a>		



### MoU keselamatan, pertahanan bernilai RM8.1 bilion dijangka dimeterai dalam DSA 2024



KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) bakal memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan pemain-pemain industri pertahanan dalam Pameran 'Defence Services Asia' (DSA 2024) berjumlah RM8.1 bilion.

Jumlah berkenaan adalah sasaran kedua-dua kementerian dalam memastikan sistem serta aset keselamatan dan pertahanan negara dalam keadaan terbaik dan relevan dengan cabaran global pada masa ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sebanyak 14 kontrak dan MoU melibatkan KDN akan ditandatangani sepanjang pameran DSA 2024 berlangsung.